

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PERASMIAN PAMIRAN "RAJA KITA" DI
MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR PADA
4HB JUN, 1974

Tuan Pengerasi, Y.B. Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Jawatankuasa Pengelola Pamiran ini kerana memberi saya peluang bercakap sepatah dua pada upacara petang ini dan seterusnya merasmikan Pamiran ini.

Pamiran yang akan sama-sama kita saksikan ialah "Raja Kita" iaitu lambang tumpuan taat setia rakyat negara ini. Saya sukacita pihak Muzium Negara dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara telah dapat menyelenggarakan Pamiran ini, tambahan pula oleh kerana disinilah tempat terkumpulnya warisan sejarah negara dan dengan itu diharap akan menimbulkan perasaan yang mendalam memahami hasrat serta cila-cita kita hendak membina masyarakat Malaysia yang makmur dan maju di masa hadapan.

Seperti sedia dimaklum, taat setia kepada Raja dan Negara adalah kewajipan mutlak bagi setiap rakyat kerana inilah tali ikatan yang menyatukan kita sebagai satu bangsa. Saya berharap agar Pamiran selama sebulan ini akan mengingatkan kita terutama kalangan muda terhadap kewajipan dan tanggungjawab terhadap satu sama lain dan juga terhadap negara.

Sebagai negara yang berbilang bangsa, tapak asas perpaduan rakyat ialah hubungan muhibbah, sikap toleransi dan saling mengerti antara satu sama lain. Dengan semangat inilah para pemimpin kita berjaya membawa kemerdekaan dan dengan ini jugalah negara yang merdeka ini dapat dikekalkan. Semangat cintakan negara atau patriotism mengandungi unsur-unsur taat setia kerana tanpa itu wujud kita sebagai negara tidak bermakna sama sekali.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya yakin dan percaya kita akan berjaya mencapai matalamat negara asal sahaja kita bersedia melakukan tanggungjawab dan memupuk kesedaran di kalangan rakyat terhadap kewajipan

mereka mengusahakan cita-cita bersama itu. Semangat yang saya katakan tadi hendaklah menjadi cara hidup kita dan saya gembira pengajaran dari Peristiwa 13 Mei dulu telah memberikan kita ilham serta petunjuk membina masyarakat baru berlandaskan prinsip-prinsip Rukunegara. Perkembangan dan kemajuan di bidang ekonomi, terutama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru amat menggalakkan dan ini menjamin harapan yang baik kepada setiap rakyat. Meskipun negara menghadapi masalah inflasi, namun kita telah mengambil langkah-langkah positive meredakan tekanannya agar tidak menghalang usaha-usaha kita membina bangsa yang bersatu.

Di bidang politik pula, saya sukacita penerimaan terhadap konsep National Front yang menggabungkan tenaga sebahagian besar rakyat sangat memuaskan dan ini diharap menimbulkan suasana yang segar dan cerah bagi masa hadapan. Ketegasan pemimpin-pemimpin politik dalam hal menunjukkan kematangan fikiran kita meletakkan kepentingan rakyat dan negara di atas segala-galanya.

Bagaimanapun, lapangan pendidikan merupakan area penting bagi masa hadapan kerana melalui di bangku-bangku sekolah kita memupuk perasaan kesedaran dan saling menghormati serta tata susila yang baik bagi jenarasi muda. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dilaksanakan masa ini akan membawa integrasi dan perpaduan di kalangan anak-anak serta ini akan memperkukuhkan hubungan mesra antara rakyat berbagai kaum. Usaha-usaha yang dilakukan oleh mass media berjaya dengan lebih berkesan memupuk penyertaan rakyat dalam mencapai matalamat-matalamat nasional itu. Dengan berhasilnya usaha-usaha itu kelak, setiap orang akan merasakan bahawa ia mempunyai hak dan tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Malaysia yang maju, makmur dan bahagia.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Tugas kita yang utama hari ini ialah memupuk sikap serta penerimaan rakyat terhadap usaha-usaha Kerajaan hendak membawa kemakmuran dan kesenangan kepada mereka. Segala rancangan yang disediakan dan peluang-peluang yang terbuka tidak bermakna apa-apa sekiranya rakyat tidak memainkan peranan mereka. Memang disedari iaitu negara kita mempunyai masalah berbilang bangsa yang complex, namun kalau setiap orang bersedia memberikan kerjasama dan sokongan kepada usaha-usaha

Kerajaan itu, hasrat dan cita-cita suci itu akan berhasil dengan penuh kejayaan.

Kita patut bersyukur bahawa negara kita adalah menikmati keadaan yang boleh dikatakan baik dan mendapat nama yang harum di sisi dunia antarabangsa. Beberapa peristiwa penting dan bersejarah yang sama-sama kita saksikan menambah tinggikan mertabat kita dan tidak lama lagi akan diadakan Pesta Pembangunan Nasional mengambil sempena Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam yang akan berlangsung kelak. Semua ini, membuktikan keazaman kita dan kejayaan kita setakat ini membina bangsa dan negara yang meskipun kecil bilangan penduduknya tetapi mempunyai kekuatan dan kemampuan memperjuangkan hasrat dan cita-cita Rukunegara. Inilah landasan yang kekal dan teguh bagi menjadikan perpaduan rakyat satu kenyataan semasa hayat kita dan Pamiran ini pada hemat saya akan membantu ke arah cita-cita itu.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Pamiran "Raja Kita" ini.